

P.U.(A) 128/2009

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 3 DAN
4) 2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 3 dan 4) 2009**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 26 Mac 2009.

Pindaan Jadual 3

2. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang disebut “Akta ibu” dalam Perintah ini dipinda dalam Jadual 3, dengan menggantikan perenggan 10 dengan perenggan yang berikut:

“10. Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti terkawal berniaga dalam sekuriti bagi –

(a) akaunnya sendiri atau bagi perbadanan yang berhubungannya melalui seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti; atau

(b) akaunnya sendiri atau bagi akaun pelanggannya melalui bank berlesen bagi maksud pemberian pinjaman sekuriti di bawah apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1).”.

Pindaan Jadual 4

3. Bahagian 1 Jadual 4 kepada Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subbutiran 1 (i) subbutiran yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Aktiviti</i>	<i>Kategori orang berdaftar</i>
(j)	Pemberian pinjaman atau memudahkan pemberian pinjaman sekuriti bagi akaun sendiri atau bagi akaun pelanggan di bawah apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1).	Bank berlesen

Dibuat pada 17 Mac 2009
[KK/BPKA/K1(S)/483/128/1/1;PN(PU²)662/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua